

PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG MENDAKI

Ramai teroka bidang kerjaya ‘baru’

► SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

KERJAYA yang dipilih siswazah Melayu/Islam cemerlang kian rencah, dengan jumlah mereka yang memasuki bidang-bidang yang sebelum ini agak asing bagi masyarakat Melayu/Islam, meningkat.

Dapatkan rambang ini hasil tinjauan *Berita Harian* ke atas sebahagian daripada 21 penerima Anugerah Cemerlang Mendaki tahun ini – jumlah paling tinggi sejak anugerah itu mula diberi seawal pembentukan Yayasan Mendaki pada 1982.

Anugerah itu diberikan kepada siswazah daripada Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti

Teknologi Nanyang (NTU), Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan beberapa universiti berprestij dari luar negara, yang lulus dengan kepujian kelas pertama.

Selain kerjaya sebagai guru – bidang yang popular di kalangan ramai siswazah Melayu/Islam – beberapa penerima juga dilihat meneroka bidang-bidang kerjaya ‘baru’ seperti pelaburan kewangan, media baru, dan jawatan pengurusan di syarikat-syarikat mapan dan berbilang negara (MNC).

Misalnya, satu-satunya penerima Anugerah Cemerlang Mendaki yang lulus dari sebuah universiti luar negara, Universiti Manchester, Encik Muhd Raimi Rahmat, bakal memulakan



tugas bersama syarikat penerbangan Singapura, SIA, sebagai seorang pegawai pentadbiran.

Menurut Encik Muhd Raimi, 25 tahun, sebagai seorang penerima Biasiswa Mahasiswa Cemerlang SIA-Mendaki, jawatan tersebut hanya satu jawatan permulaan dan lulusan matematik kewangan itu menjangka boleh dikerahkan ke jawatan lain di peringkat pengurusan.

Lulusan kejuruteraan aerospace,

Encik Haja Abdul Jaafar Houmayune, pula telah memulakan tugas di ST Aerospace sebagai seorang juruterma.

Sementara itu, lulusan sarjana muda berganda dalam pengurusan perniagaan dan perakaunan, Encik Hazwan Aziz Mohd Sidik, 25 tahun, telah memulakan tugas sebagai calon pengurus di syarikat pakaian dari Jepun, Uniqlo.

Bagi penerima, Cik Farhana Ja'afar, beliau memilih memulakan kerjayanya bersama sebuah syarikat perhubungan media baru, We Are Sosial, kerana “gemar meneroka bidang-bidang baru”.

Syarikatnya, sebuah firma antarabangsa, memasarkan jenama meng-

gunakan wadah-wadah media sosial.

“Sekarang ini, banyak jenama yang mula berpaling ke dalam talian untuk memasarkan produk-produk mereka untuk mendekati pengguna dan saya mahu menjadi sebahagian daripada usaha perubahan ini,” kata Cik Farhana, 24 tahun, seorang lulusan komunikasi visual.

Seorang lagi lulusan komunikasi, Cik Nur Asyiqin Mohd Salleh, baru mula bertugas sebagai wartawan di akhbar *The Straits Times*.

Sementara itu, bidang kajian dan penyelidikan juga semakin mendapat sambutan, dengan sekurang-kurangnya tiga daripada 21 penerima tahun ini memilih bidang tersebut sebagai kerjaya mereka.

Lulusan sosiologi, Cik Nurliyana Daros, 24 tahun, akan kembali ke NUS sebagai seorang penolong penyelidik setelah dikenal pasti oleh profesornya kerana bakatnya yang menyerlah semasa projek akhir tahun (FYP).

Cik Siti Munirah Abdul Karim pulalah berjaya mencapai cita-citanya menjadi seorang penyelidik di Institut Biologi Perubatan (IMB) kerana lulusan sains hayat itu “mempunyai minat yang mendalam tentang sel induk dan kejuruteraan tisu”.

Laporan lanjut

– Muka 20